

BAHASA MELAYU



saujana.sg

PENGGOLONGAN KATA

kata adverba

MOHAMED NAIM DAUPI



Kata Prafrasa ialah perkataan yang terletak di hadapan frasa yang mendukung tugas-tugas tertentu bagi membuat penegasan, penafian, pemerian, penyendian, pembilangan, serta menunjukkan arah.

KATA SENDI NAMA ✓**KATA BANTU** ✓**KATA PENGUAT** ✓**KATA PENEGAS** ✓**KATA NAFI** ✓**KATA PEMERI** ✓**KATA ARAH** ✓**KATA BILANGAN** ✓**KATA ADVERBA** ✓

KATA ADVERBA, atau Kata keterangan berperanan menerangkan kata adjektif dan kata kerja. **KATA ADVERBA** boleh terletak di hadapan atau belakang kata-kata tersebut. **KATA ADVERBA** digolongkan dalam kata tugas; kata prafrasa dan kata pascafrasa

- 1) Kata Adverba yang menerangkan kata kerja
Ayat contoh :
 - 1.1 Ayah **selalu** berzikir selepas bersolat Isyak.
 - 1.2 Dia masuk ke dalam bilik itu **senyap-senyap**.
 - 1.3 **Seboleh-bolehnya** dia hendak mencapai kejayaan yang cemerlang.

- 2) Kata Adverba yang menerangkan kata adjektif
 - 2.1 Kamarnya **sentiasa** kemas dan bersih.
 - 2.2 Wanita muda malu **tersipu-sipu**.
 - 2.3 Sudah **tinggi lampai** anak Pak Karman itu.

- 3) Kata adverba yang menerangkan frasa sendi nama
 - 3.1 Dia **serta-merta** ke arah saya lalu meminta maaf.
 - 3.2 Mariam **selalu sahaja** ke rumah saya dan berbual-bual dengan nenek.
 - 3.3 Pemuda itu **sering** ke situ.

Jenis Kata Adverba

1 KATA KETERANGAN MASA untuk menerangkan masa

Contoh

akan, belum, kelak, masih, kadang-kadang,
pernah, sudah, seketika, sentiasa, sebentar,
sejurus, selalu, sedang, dan sebagainya

Ayat Contoh:

Karim *masih* menjalani Perkhidmatan Negara.

Kelmarin, wanita itu menemui pengarah.

Kami singgah *seben tar* untuk menemui penghulu.

Dia *selalu* berdusta.

Kakak *sedang* menjemur pakaian.

Dia singgah *seben tar* ke rumah datuknya.

2 KATA KETERANGAN CARA

untuk menerangkan cara

Contoh

begini, begitu, demikian dan sebagainya

Ayat Contoh:

Dia berbuat *demikian* kerana suruhan abangnya.

Begitulah keadaan Samat ketika saya menemuinya.

Begini caranya memasak nasi kandar itu.

Jika kamu berbuat *begini*, tentu nama baik keluargamu akan tercemar.

Dia berkata *demikian* untuk menyenangkan hati orang tuanya.

Kalau anda berbuat *begitu*, cikgu kita tentu marah

3 KATA KETERANGAN TANYA

untuk menanyakan cara, keadaan, masa dan sebab. Contoh :
kenapa, bagaimana, mengapa, bila, dan sebagainya

Ayat Contoh:

Mengapakah kamu tidak menyertai pesta kolek itu?

Kenapakah dia menangis?

Bagaimanakah keadaan kesihatan datukmu?

Bilakah kamu akan berangkat ke Cina?

Bagaimanakah anda boleh sampai ke puncak gunung itu?

Bilakah keputusan pilihan raya itu akan dimumkan?

Mengapakah kamu sebarkan surat fitnah itu?

4 KATA KETERANGAN DARJAH

untuk menerangkan darjah kata adjektif

Contoh :

amat, agak, nian, sangat, paling dan sebagainya

Ayat Contoh:

Keindahan pulau itu *sungguh* menawan hati.

Soalan peperiksaan itu *amat* susah.

Tandas di bangunan itu *terlalu* kotor.

Latihan Matematik itu *amat* sukar.

Walaupun *agak* kecil, rumah itu comel.

Perigi di belakang rumah penghulu itu dalam *sungguh*.

5 KATA KETERANGAN NAFI

untuk menafikan atau menyangkal

Contoh

bukan, tidak, dan tak

Ayat Contoh:

Bukan guru sahaja yang harus bersikap profesional, tetapi semua pegawai lain harus bersikap begitu.

Saya *tidak* mengambil buku itu.

Dia *tak* mahu menyertai pasukan itu.

Lelaki itu *bukan* pegawai polis.

Saya *tidak* menemuinya, pagi tadi.

6 KATA KETERANGAN TAK TENTU

untuk menerangkan sesuatu yang belum pasti

Contoh :

agaknya, barangkali, entah-entah, dan sebagainya

Ayat Contoh:

Pengetua tidak ada di pejabat *agaknya*.

Barangkali, ayahnya sudah berpindah dari situ.

Syahid belum menunaikan solat Zuhur, *agaknya*.

Mungkin, dia belum menerima warkah itu.

Entah-entah, dialah yang mencuri wang saya.

PANDUAN

Kata keterangan masa seperti akan, belum, sedang, masih, dan sebagainya dikenal juga sebagai kata bantu bagi frasa kerja dan frasa adjektif.

Kata keterangan darjah dikenal juga dengan kata pengaut yang menjadi penanda kata adjektif.

Kata keterangan *saja*, *juga* dan *lagi* tidak boleh diletakkan di depan predikat.

- * Ibu saya *juga* guru.
- * Mereka *juga* olahragawan.
- * Orang itu *saja* termenung.
- * Lokman *lagi* datang.

BENTUK KATA ADVERBA

Kata Adverba dapat digolongkan kepada empat bentuk:



KATA ADVERBA JATI

**KATA ADVERBA YANG ASALNYA
KATA ADJEKTIF**

**KATA ADVERBA YANG ASALNYA
KATA KERJA**

**KATA ADVERBA
BENTUK GANDAAN**

KATA ADVERBA JATI

kata yang bertindak sebagai penerang kepada kata kerja, kata adjektif, dan frasa sendi nama yang tidak tergolong ke dalam golongan kata yang lain. Contoh:

begini
saling
esok
tadi
langsung
kerap kali
barang kali

begitu
sekarang
tulat
demikian
sempat
julung kali
nanti

sering
dahulu
hari ini
nyaris
agaknye
kadang kala
jarang

sempat
kelmarin
kelak
hampir
acap kali
seklai gus
kemudian

KATA ADVERBA YANG ASALNYA KATA ADJEKTIF

Kata yang berasal daripada kata adjektif yang berfungsi sebagai penerang kepada kata adjektif, kata kerja, atau frasa sendi nama. Contoh:

**berjalan lambat
mengalir lesu
ke hospital segera
malu tersipu-sipu
besar panjang
agak jauh**

**sakit kuat
tinggi lampai
ketawa besar
bertiup kencang
sakit kuat
amat sakit.**

KATA ADVERBA YANG ASALNYA KATA KERJA

Kata yang berasal daripada kata kerja yang berfungsi sebagai penerang kepada kata adjektif, kata kerja, atau kata sendi nama. Contoh:

diam membatu
duduk mencangkung
terbang mengawan
hitam berkilat

putih melepak
di rumah bersendirian
tenang membiru
tinggi menggunung

KATA ADVERBA BENTUK GANDAAN

Kata adverba yang mengalami proses penggandaan yang berfungsi sebagai penerang kepada kata adjektif, kata kerja, atau frasa sendi nama. Contoh:

PENGGANDAAN PENUH



PENGGANDAAN SEPARA



PENGGANAAN BERENTAK

**PENGGANDAAN
PENUH**

**lama-lama
jarang-jarang
tenang-tenang
tinggi-tinggi
laju-laju
cepat-cepat
sama-sama
senyap-senyap
diam-diam
siang-siang
malam-malam
mula-mula**

**PENGGANDAAN
SEPARA**

**setinggi-tinggi
serendah-rendah
semulia-mulia
sedapat-dapat
terburu-buru
terkejar-kejar
terkedek-kedek
bersama-sama
berhari-hari
berdikit-dikit
besar-besaran
kecil-kecilan**

**PENGGANDAAN
BERENTAK**

**sedu-sedan
lintang-pukang
huyung-hayang
mundar-mandir
serta-merta
tanggung-langgang
gilang-gemilang
compang-camping
bongkar-bangkir
pontang-panting
serbah-serbih
bengkang-bengkok**

TAMAT